



Pola Tabiat Penggunaan Spotify Dalam Kalangan Pelajar Universiti

Cynthia Debra Jenuwin^a, Intan Soliha Ibrahim^{b*}

^a*The Cottage Hotel, Kundasang*

^b*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah**

*Corresponding author

Abstrak

Penggunaan muzik dalam kalangan masyarakat mengalami perubahan apabila radio bukan lagi menjadi satu-satunya medium yang menawarkan perkhidmatan muzik kepada pendengar. Kemunculan *podcast* yang dibawa oleh platform Spotify pada tahun 2006 dikatakan sebagai gangguan kepada industri radio. Namun, andaian tersebut ternyata tidak benar apabila Spotify telah menerima kritikan selepas mengubah modus operandi perniagaannya. Di sebalik kritikan tersebut, senario penggunaan Spotify di Malaysia mula rancak pada tahun 2019. Oleh itu kajian ini meneroka penggunaan Spotify dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini menerusi penggunaan kaji selidik. Kajian ini melibatkan 375 responden yang berusia antara 18 hingga 30 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa *podcast* digunakan untuk menenangkan fikiran dan mengisi masa lapang.

Kata kunci

Podcast; Spotify; penggunaan; media baharu; pandemik

Pengenalan

Aplikasi hiburan melalui fasa perubahan mengikut zaman dan teknologi. Bentuk hiburan yang disediakan oleh medium komunikasi sebelum berlakunya globalisasi menerusi perkhidmatan penyiaran konvensional seperti televisyen dan radio, surat khabar serta majalah. Setelah berlakunya pendigitalan, medium komunikasi mengalami remediasi – daripada penggunaan teknologi analog kepada digital yang ditambah baik dan disesuaikan dengan industri pengkomputeran. Kemudian, industri penyiaran dan hiburan mengalami perubahan yang signifikan rentetan daripada penciptaan internet. Ekoran daripada penciptaan internet, teknologi

penstriman seperti YouTube, *podcast*, Netflix dan iFlix telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat berbanding perkhidmatan konvensional (Colbjørnsen, 2021). Hal ini kerana perkhidmatan penstriman menawarkan hiburan tanpa henti, boleh diakses secara fleksibel mengikut kesesuaian masa pengguna dan pelbagai genre ditawarkan kepada pengguna (Colbjørnsen, 2021). Menghiburkan ialah salah satu fungsi komunikasi seperti yang dinyatakan oleh Laswell (1948).

Oleh itu, aplikasi *podcast* boleh dianggap alternatif oleh pengguna sebagai platform hiburan. Podbean, Buzzsprout, Libsyn, Spreaker, Blubrry, Simplecast, Spotify, Castos, SoundCloud, Stitcher, AudioBoom, TuneIn, Google Podcasts, Apple Podcasts, Castbox, podOmatic, Acast, Pocket Casts, IHeartRadio, Overcast, Megaphone, Radiopublic dan Podchaser ialah jenama-jenama yang menawarkan perkhidmatan *podcast*.

Negara Barat seperti Amerika Syarikat menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan dan bertambah dari semasa ke semasa. Statista (2022) melaporkan bahawa pada tahun 2013, pengguna *podcast* dalam tempoh seminggu adalah sebanyak 7%. Namun mengalami pertambahan sebanyak 1% pada tahun 2014 dan 2% pada tahun 2015. Kemudian pada tahun 2016 sehingga tahun 2021, Statista (2022) menunjukkan peningkatan yang berterusan bagi pendengar mingguan. Peningkatan pendengar secara mingguan ini menunjukkan bahawa penerimaan pengguna terhadap *podcast* adalah positif. Walaupun sambutan terhadap *podcast* amat menggalakkan, namun ia masih tidak boleh mengatasi media sosial, penyiaran digital dan penyiaran konvensional.

Di Malaysia, hasil pemerhatian penyelidik mendapati bahawa Spotify ialah platform *podcast* popular di negara ini dan diikuti oleh Apple Podcast. Perkhidmatan penstriman Spotify mula beroperasi pada tahun 2013. Namun ketika itu pengguna Spotify tidak ramai, walaupun setelah tiga (3) tahun beroperasi di negara ini, Digital News Asia (2016) mendapati bahawa 77% daripada 2000 responden ialah pengguna Spotify. Malah TNS (2016, dalam Ering, 2016) mendapati bahawa pengguna aktif Spotify terdiri daripada 15 sehingga 64 tahun. Menariknya golongan ini dikenali sebagai celik digital kerana mempunyai kecenderungan membeli barangan dalam talian. McKinsey (2016) melaporkan pada tahun 2016 pengguna Spotify di Malaysia adalah tinggi

(34.8%) berbanding Hong Kong (16.1%), dan Indonesia (9.8%). Astro Awani (2019) melaporkan pengguna perkhimatan penstriman Spotify di negara ini meningkat sebanyak 71% semenjak ia beroperasi, namun data secara statistik tidak dilaporkan.

Penelitian terhadap dokumen lepas menunjukkan bahawa platform *podcast* seperti Spotify boleh digunakan secara percuma tanpa had dan telah menawarkan jutaan lagu untuk diakses oleh pengguna yang melanggan servis mereka. Lagu-lagu tersebut boleh dimainkan secara *online* dan *offline*. Langshaw (2013) mendapati bahawa setelah Spotify membuat perubahan terhadap polisi mereka, terutamanya polisi yang mengehadkan penggunaan secara percuma (bukan semua muzik boleh didengar), Spotify menggalakkan pengguna untuk melanggan dan membuat pembayaran bagi tujuan akses penuh kepada lagu menerusi pakej premium. Malah Fenney (2019) ada menyebut tentang pengguna akses percuma tidak ada pilihan dan wajib mendengar iklan promosi Spotify Premium. Tindakan tersebut telah menyebabkan pengguna berasa bosan (Fenney, 2019).

Selain itu, Spotify tidak lagi mempunyai ciri lirik lagu seperti diawalnya. Technobezz (2022) menjelaskan bahawa, ciri lirik lagu yang disediakan oleh Spotify amat digemari oleh pengguna Spotify. Namun ciri tersebut turut dihapuskan bagi pengguna percuma. Malah Chandler (2022) mengkritik tindakan Spotify yang mengenakan harga langganan yang mahal kepada penggunanya. Oleh itu, bagaimana pola penggunaan *podcast* dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah?

Sorotan Literatur

Walaupun data McKinsey (2016) menunjukkan penggunaan Spotify di Malaysia adalah tinggi berbanding Hong Kong dan Indonesia, hakikatnya kajian mengenai penggunaan Spotify adalah terhad. Carian di Google Scholar, Dimensions dan Semantic Scholar dengan kata kunci Spotify, penggunaan, penerimaan dan Malaysia. Hasil pencarian menunjukkan wujud keperluan untuk memperbanyakkan kajian mengenai Spotify di Malaysia serta mempertimbangkannya sebagai salah satu saluran untuk menerima maklumat dan hiburan.

Jadual 1 Carian di Enjin Carian

Bil	ENJIN CARIAN	KEPUTUSAN	MASA	CATATAN
1	Google Scholar	236 bahan	0.07 saat	Hanya 4 artikel sahaja yang berkaitan.
2	Dimensions	652 bahan	n/a	Daripada 652 bahan telah dikecilkan skop kepada sains sosial dan kemanusiaan, maka terdapat 111 bahan. Namun bahan yang memfokuskan kepada Spotify dan Malaysia secara spesifik adalah terbatas dan hanya disentuh secara umum.
3	Semantic Scholar	7 bahan	n/a	Daripada 7 bahan tidak ada bahan yang mengkhusus kepada Spotify.

Sumber: Dipetik daripada Semantic Scholar, Dimensions dan Google Scholar)

Netti dan Irwansyah (2018) menerusi kajiannya mendapati bahawa trend mendengar muzik dalam kalangan milenial di Indonesia telah berubah. Daripada penggunaan perakam Sony PCM-1 (mendengar muzik menggunakan kaset) sehingga berubah kepada penggunaan peranti digital seperti *podcast* (Netti & Irwansyah, 2018). Sebanyak 35.5% mendengar muzik dalam talian dan 47.6% daripadanya menggunakan telefon bimbit sebagai medium untuk mengakses Spotify. Netti dan Irwansyah (2018) turut menjelaskan faktor golongan tersebut mengakses Spotify adalah bagi maksud mendapatkan hiburan. Malah, dapatan yang sama turut diterima oleh Jones (2020), apabila 65.5% pelajar BYU-Hawaii menggunakan Spotify bagi tujuan hiburan. Ini menunjukkan bahawa trend penggunaan Spotify dalam kalangan pelajar adalah bagi tujuan hiburan.

Oleh kerana penerimaan positif golongan milenial terhadap Spotify, penyelidik seperti Febriani dan Tiorida (2019) serta Barata dan Coelho (2021) menjalankan kajian terhadap faktor penerimaan golongan tersebut terhadap Spotify. Data Febriani dan Tiorida (2019) menunjukkan terdapat dua faktor yang mempengaruhi penggunaan Spotify di Indonesia, terutamanya di Bandung Raya. Daripada 133 responden yang terlibat, 49.6% mahasiswa memilih faktor Spotify Premium sebagai alasan utama untuk melanggan *podcast*. Manakala 50.4 peratus menyatakan sebab utama

mendengar *podcast* ialah ciri-ciri perkhidmatan, emosi pengguna, serta pengguna lain seperti keluarga, rakan dan rakan sekerja.

Manakala, Barata dan Coelho (2021) mengesahkan bahawa tabiat, jangkaan prestasi dan nilai harga langganan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penggunaan perkhidmatan penstriman muzik berbayar. Bagaimanapun, kedua-dua penyelidik tidak menolak bahawa dimensi baharu seperti peribadi, sikap terhadap cetak rompak, dan tanggapan kesesuaian premium-*freemium* muncul sebagai peranan tambahan yang relevan dalam menggunakan perkhidmatan tersebut. Namun begitu, kajian Andry dan Tjee (2019) menerusi pendekatan kuantitatif mendapati bahawa minat terhadap penstriman aplikasi Spotify secara berbayar berada di peratusan tertinggi iaitu 27.38 peratus manakala minat terhadap muat turun muzik dari laman web secara percuma adalah sebanyak 14.54 peratus. Minat terhadap aplikasi Spotify berbayar disebabkan oleh kelengkapan daftar lagu pada aplikasi muzik, mudah digunakan dan mempunyai kualiti suara muzik yang baik selepas dimuat turun. Dalam kata lain, aplikasi muzik Spotify berbayar lebih diminati.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan senario penggunaan Spotify dalam kalangan pelajar di luar negara. Persoalannya, bagaimana dengan Malaysia? Hasil penelitian penyelidik mendapati bahawa kajian yang dijalankan oleh Shing, Tik dan Hanefar (2011) terhadap *podcast* adalah dengan meneliti kesan *podcast* terhadap pencapaian pelajar. Ketiga-tiga penyelidik tersebut menggunakan *podcast* sebagai alat untuk pembelajaran. Hasilnya, pelajar yang belajar menerusi *podcast* mempunyai markah yang lebih baik berbanding pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran teradun (*blended-learning*). Ini menunjukkan bahawa *podcast* telah digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Chin (2023) yang menggunakan konsep kesedaran Margeret K. Yuare dalam mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat terhadap penggunaan *podcast*. Data kuantitatif yang melibatkan 150 responden menunjukkan bahawa majoriti daripada responden telah mencapai tahap 1 dan tahap 2 kesedaran terhadap *podcast*. Dengan data tersebut, Chin merumuskan bahawa radio akan diganti oleh *podcast*. Bagaimanapun, sampel Chin (2023) yang

tidak besar dan tidak mewakili secara keseluruhan rakyat Malaysia, boleh diklasifikasikan sebagai lemah. Sampel yang lebih besar dan meliputi Sabah dan Sarawak perlu dilakukan bagi menghasilkan data yang konkrit dan berupaya mewakili Malaysia secara keseluruhannya.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian berkaitan dengan *podcast* dan medium penstriman adalah terbatas di Malaysia. Spotify merupakan platform penstriman muzik dalam talian telah menjadi alternatif kepada penggemar muzik untuk menikmati muzik tanpa perlu merasa risau isu muat turun secara haram atau cetak rompak. Oleh itu, kajian ini ingin mengetahui secara mendalam cara pelajar Universiti Malaysia Sabah menggunakan Spotify. Memandangkan, Spotify sudah menjadi sebahagian budaya pelajar zaman ini (terutamanya di luar negara) untuk menikmati muzik. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Penyatuan Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (Unified Theory of Acceptance and Use of Technology). Teori ini digunakan bagi menjelaskan penggunaan platform *podcast* oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Teori ini merupakan idea Venkatesh (2003). UTAUT menerangkan bahawa terdapat empat faktor yang menentukan penerimaan pengguna dan penggunaan teknologi dalam kalangan pengguna. Pertama, jangkaan prestasi (*performance expectancy*) yang boleh diterjemahkan sebagai penentu langsung tingkah laku niat dan penggunaan sebenar. Kedua ialah jangkaan usaha (*effort expectancy*). Faktor ketiga ialah pengaruh sosial (*social influence*) dan keempat merupakan kemudahan (*facilitating conditions*). Venkatesh (2003) tidak menolak bahawa umur, jantina, pengalaman juga boleh mempengaruhi *performance expectancy* dan penggunaan sebenar teknologi. Penerapan dan penggunaan teknologi dalam kehidupan masyarakat adalah tidak dapat dielakkan, apatah lagi penerapan dan penggunaan teknologi digital dalam mendapatkan hiburan ialah norma baharu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi penggunaan borang soal selidik sebagai kaedah kutipan data. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penerimaan pelajar Universiti Malaysia Sabah terhadap penggunaan Spotify. Pendekatan kuantitatif adalah bersifat angka atau numerikal. Menurut Krejcie dan Daryle (1970) dan Cohen (1992), ia melibatkan bilangan

responden yang ramai dengan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pemboleh ubah bagi sesuatu penyelidikan. Kemudian, data-data ini diproses menggunakan ujian statistik (Piaw, 2011).

Barata dan Coelho (2021); Chin (2023); Jones (2020); Langshaw (2013); Shing, Tik, dan Hanefar (2011); merupakan penyelidik yang menggunakan pendekatan ini dalam mengkaji penggunaan *podcast* dan Spotify.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 375. Angka 375 ini diambil kira selepas merujuk kepada jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970). Saiz populasi di kawasan kajian ialah 17,816. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini untuk meneliti penerimaan dan penggunaan *podcast* dalam kalangan pelajar. Marican (2005) menyatakan bahawa persampelan jenis ini adalah untuk menjelas atau mengenal pasti sesuatu ciri-ciri tertentu mengenai suatu kumpulan atau populasi secara relatif dengan yang lain.

Kaedah pengumpulan data merupakan bahagian penting dalam proses penyelidikan. Pengumpulan data ialah proses penyelidikan yang menggunakan kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpulkan data sistematik bagi tujuan analisis (Adibah, 2019). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D.

Menurut Kean Hua (2016) serta Mat Daud, Khidzir, Ismail, dan Abdullah (2018), data tersebut perlu diukur bagi membuktikan kebolehpercayaan dan dapat digunakan untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan kewujudan hubungan antara pemboleh ubah (Kean Hua, 2016). Kebolehpercayaan adalah sangat penting dalam menentukan tahap kestabilan dan ketekalan dalaman instrumen.

Dapatan & Perbincangan

Jadual 2 menunjukkan profil responden yang terlibat dalam penyelidikan ini terdiri daripada

jantina, fakulti, dan tahun pengajian.

Demografi Responden

Output dalam Jadual 2 menunjukkan seramai 375 responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar wanita (269 responden) dan purata umur adalah 22 tahun. Seramai 117 responden ialah pelajar tahun 1, tahun 2 pula 70 responden, diikuti oleh tahun 3 seramai 177 responden dan 11 responden bagi pelajar tahun 4. Manakala dari aspek fakulti, responden dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan merupakan responden terbesar dalam kajian ini berbanding fakulti lain.

Kajian yang sama turut dijalankan oleh Statista pada tahun 2018. Menariknya, data yang dikeluarkan oleh Statista menunjukkan bahawa lelaki adalah lebih ramai menggunakan Spotify iaitu sebanyak 56 peratus berbanding perempuan sebanyak 44 peratus sahaja. Penyelidik mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam corak dapatan Statista. Ini mungkin disebabkan oleh skop kajian yang berbeza memandangkan Universiti Malaysia Sabah merupakan universiti komprehensif. Terdiri daripada pelajar berusia 18 tahun dan ke atas.

Jadual 2 Profil Responden

		N	%
Jantina	Lelaki	106	28.3
	Perempuan	269	71.7
Umur	18-21 tahun	130	34.7
	22-25 tahun	230	61.3
	25 – 29 tahun	14	3.7
	30 tahun ke atas	1	.3
	Etnik	Bumiputera Sabah	253
	Bumiputera Sarawak	26	6.9
	Melayu	62	16.5
	Cina	21	5.6
	India	13	3.5
Tahun Pengajian	Tahun 1	117	31.2
	Tahun 2	70	18.7
	Tahun 3	177	47.2
	Tahun 4	11	2.9

Fakulti	Fakulti Kejuruteraan	34	9.1
	Fakulti Komputeran dan Informatik	7	.19
	Fakulti Perhutanan Tropika	8	2.13
	Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan	26	7
	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	2	.53
	Fakulti Psikologi dan Pendidikan	16	4.3
	Fakulti Sains dan Sumber Alam	57	15.2
	Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan	20	5.3
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	205	55

Penggunaan Spotify

Memandangkan kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan, maka kesemua responden merupakan pengguna Spotify.

Jadual 3 Tujuan Mengguna Spotify


		N	%
Tujuan	Mendapatkan hiburan	199	53.1
	Mendapatkan Maklumat	176	46.9

Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa menggunakan Spotify hanyalah untuk tujuan hiburan. 199 responden memilih untuk mengguna Spotify disebabkan hiburan. Manakala 46.9% mendengar Spotify bagi tujuan mendapatkan maklumat. Menurut Lavircana, Herman dan Humaidi (2020), masyarakat menganggap Spotify boleh menjadi medium hiburan. Namun, ketiga-tiga sarjana tersebut tidak menolak bahawa Spotify boleh menjadi medium maklumat.

Malah, Josi dan Arindawati (2020) berpendapat bahawa pengguna menggunakan Spotify untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai carta terkini atau mengenai artis kegemaran mereka. Sebagai generasi yang paling banyak menggunakan telefon pintar setiap hari, golongan tersebut merasakan Spotify memudahkan pencarian berdasarkan keperluan pengguna (Shuhaida Mohamed Shuhidan et al, 2017).

Bagaimanapun, penyelidik tidak menolak faktor ciri-ciri istimewa Spotify sebenarnya

menyumbang kepada penggunaan medium tersebut. Rajah 1 menunjukkan butiran ciri-ciri istimewa Spotify yang tidak ada pada radio, televisyen dan medium penstriman lain.



Rajah 1 Ciri Istimewa Spotify

Berdasarkan Rajah 1 di atas, antara ciri istimewa Spotify seperti menyediakan perkhidmatan muat turun lagu, memudahkan pencarian lagu, mudah digunakan dan boleh diakses di mana-mana turut menjadi faktor dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah dalam menerima medium tersebut.

266 responden suka akan perkhidmatan muat turun lagu kerana ia memudahkan mereka mendengar lagu yang dimuat turun berulang kali. Menurut Spotify (2023), Spotify Premium menawarkan perkhidmatan muat turun lagu sehingga 10,000 lagu dan boleh didengari secara luar talian tanpa menggunakan internet. Spotify juga membenarkan muat turun lagu menggunakan lima peranti sekali gus. Ini menjadikan jumlah keseluruhan lagu yang boleh dimuat turun mencapai 50,000. Hal ini telah menarik perhatian lebih ramai pengguna untuk menggunakan perkhidmatan Spotify.


Seramai 312 daripada 375 responden bersetuju dengan kenyataan Spotify memudahkan pencarian lagu. Menurut Spotify (2023), terdapat lebih lima juta senarai *podcast* di Spotify. Spotify (2023) menyatakan bahawa, aplikasi tersebut menawarkan 100 juta trek dan senarai main yang disusun

bergantung kepada faktor yang berbeza seperti tema, emosi, usia dan jantina. Hal ini akan menyebabkan pengguna lebih mudah untuk mencari lagu kegemaran mereka.

306 responden berpendapat bahawa Spotify mudah digunakan. Berdasarkan kajian yang sama yang dijalankan oleh Karyono dan rakan-rakannya (2019), pengalaman pengguna terhadap Spotify dapat memberikan persepsi pengalaman pengguna yang baik sehingga pengguna masih ingin menggunakannya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Spotify memiliki interaksi yang baik dengan pengguna sehingga pengguna merasakan ia suatu pengalaman yang baik.

Menurut Spotify (2023), aplikasi Spotify dapat diakses pada bila-bila masa menerusi peranti android ataupun Apple. Malah, Spotify telah memperbaharui jenis akses yang mana platform tersebut boleh diakses menggunakan komputer dan laptop. Untuk itu, dapatan penyelidikan menunjukkan 303 responden melihat ciri ini lebih baik berbanding muat turun lagu.

Selain itu, 300 responden daripada 375 (80%) menyatakan bahawa mereka menggunakan Spotify setiap hari. Bagaimanapun, 75 responden iaitu 20% menyatakan mereka menggunakan Spotify ketika perlu sahaja. Kajian yang dilakukan oleh Lisa dan Jacobs (2019), menunjukkan bahawa pengguna *podcast* lebih menggunakan Spotify setiap hari khususnya ketika memandu kerana berasa bosan mendengar celoteh penyampai radio tempatan.



Rajah 2 Penggunaan Spotify

Seramai 344 responden (92%) menyatakan mereka menggunakan Spotify ketika berasa bosan. Menurut Lisa and Jacobs (2019), apabila pengguna berasa bosan ketika berada di pejabat, pengguna akan memasang lagu kegemaran di Spotify dan berkaraoke bersama rakan sepejabat. Bagi memudahkan pengguna berkaraoke, sistem lirik Musixmatch yang terdapat dalam aplikasi desktop Spotify boleh digunakan. Musicmatch merupakan ciri istimewa Spotify.

Seramai 306 responden (82%) menyatakan mereka mendengar Spotify ketika belajar. Berdasarkan kajian Zellatifanny (2020), mahasiswa mendengar muzik ketika belajar dianggap dapat meningkatkan mood dalam pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat mahasiswa yang sukar untuk tidur sekiranya tidak mendengar lagu.

Berdasarkan kajian Sinaga (2013), tidur ialah proses tubuh badan berada dalam mod berehat. Malah tidur merupakan keperluan fizikal yang kerap dan berulang untuk menghilangkan keletihan fizikal juga mental. Salah satu alternatif yang digunakan sewaktu ingin tidur adalah dengan mendengar lagu. Hal ini dikatakan demikian kerana, muzik mampu memberikan ketenangan

ketika tidur.

Seterusnya, 304 responden (81.1%) menggunakan Spotify ketika bersenam. Lonsdale dan Adrian (2011) menyatakan bahawa mendengar muzik sambil menjalankan aktiviti riadah seperti berlari boleh memberi impak positif kepada emosi individu. Bagaimanapun, tidak dinyatakan secara spesifik audio tersebut dari medium apa. Malah kajian yang lebih kurang sama dijalankan oleh Duman, Neto dan Mavrolampados (2022) menunjukkan hasil yang sama. Duman dan rakan-rakannya menjalankan kajian terhadap penggunaan Spotify. Ini bermakna selepas 9 tahun, muzik dan aktiviti riadah tidak dapat dipisahkan.

Penerimaan Terhadap Spotify

Penerimaan terhadap Spotify boleh dikaitkan dengan tahap kepercayaan pengguna terhadap platform tersebut. Tanpa kepercayaan, pengguna tidak akan melanggan data premium Spotify. Dengan melanggan dan menggunakan platform tersebut, jelas menunjukkan penerimaan pelajar terhadap Spotify adalah positif. Jadual 4 menunjukkan dapatan faktor kepercayaan pengaruhi penerimaan;

Jadual 4 Kepercayaan Pengaruhi Penerimaan

DATA & CATATAN	
Kepercayaan	<p>Menghilangkan rasa bosan. Seramai 301 responden atau 80.3% menyatakan bahawa Spotify boleh membantu menghilangkan rasa bosan yang dialami oleh pelajar. Responden yakin Spotify berupaya menjadi medium untuk menghilangkan rasa bosan setelah penat menghadiri kuliah, perbincangan dan tugas.</p> <p>Kualiti audio yang baik. Seramai 320 responden (85.3%) memilih untuk mendengar Spotify disebabkan oleh kualiti audio yang baik. Responden yakin kualiti audio yang baik boleh mempengaruhi emosi.</p> <p>Mengisi masa lapang. Responden yakin ketika responden tidak tahu</p>

untuk membuat apa atau tidak ada aktiviti, platform Spotify ialah medium terbaik untuk didengari. Analisis dapatan menunjukkan seramai 312 orang bersamaan 83.2 peratus sangat bersetuju, bahawa Spotify sememangnya berkesan untuk mengisi masa lapang.

Menenangkan fikiran.

Seramai 312 orang bersamaan 83.2 peratus sangat bersetuju bahawa mendengar Spotify boleh menenangkan fikiran. Responden yakin setelah penat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pelajar universiti, dengan mendengar Spotify ia boleh memberi ketenangan.

Berdasarkan Jadual 4, Gusfira dan Putri (2022) pernah mencadangkan penggunaan *podcast* sebagai penyelesaian untuk menghilangkan rasa bosan. Selain itu, Lubis (2018) berpendapat bahawa kualiti audio Spotify adalah lebih baik berbanding audio yang ditawarkan oleh radio FM. Walaupun begitu, pengguna boleh menyesuaikan kualiti audio mengikut kelajuan *bandwidth* internet, seperti normal, tinggi atau ekstrem. Kualiti audio Spotify juga dapat disesuaikan secara automatik dengan menetapkan pilihan sebelum melanggan. Semakin tinggi pemilihan kualiti audio penstriman yang diinginkan, semakin tinggi penggunaan data yang perlu digunakan. Maka tidak hairanlah Spotify hanya menawarkan ciri ini khusus untuk pelanggan premium. Hal ini boleh dilihat melalui Jadual 5.

Jadual 5 Tarif Kualiti Audio Spotify

Kualiti Audio	Kelajuan Internet	Data Per Minit
---------------	-------------------	----------------

<i>Normal</i>	96 kbps	0.8MB/Minit
<i>High</i>	160 kbps	1.2MB/Minit
<i>Extreme</i>	320 kbps	2.4MB/Minit

(Sumber dipetik dan diubahsuai daripada Lubis (2018))

Berdasarkan kajian Dewi pada tahun 2009, Campbell menjelaskan bahawa muzik dapat mengimbangkan gelombang otak kerana gelombang otak dapat dikodifikasi oleh muzik atau audio. Kesedaran biasa terdiri daripada gelombang beta yang berlaku ketika memfokuskan kepada aktiviti harian di dunia luar dan ketika mengalami perasaan negatif yang bergetar dari 14 hingga 20 hertz. Ketenangan dan kesedaran yang tinggi dicirikan oleh gelombang alfa, yang berpusing dari 8 hingga 13 hertz. Masa puncak kreativiti, meditasi dan tidur dicirikan oleh gelombang theta, dari 4 hingga 7 hertz, dan tidur nyenyak, meditasi mendalam, dan ketidaksedaran menghasilkan gelombang delta, yang berkisar antara 0.5 hingga 3 hertz. Semakin perlahan gelombang otak, semakin santai dan tenteram yang boleh dirasakan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa muzik dapat menenangkan fikiran dalam situasi tertekan. Maka tidak hairan, jika golongan pelajar lebih selesa menggunakan Spotify.

Kesimpulan

Spotify sesuai digunakan oleh individu yang aktif dalam mendengar muzik. Hal ini kerana kelebihan aplikasi tersebut menawarkan jutaan muzik dari pelbagai genre. Penggemar muzik tegar boleh melanggan *podcast* secara premium dan menikmati muzik tanpa iklan. Ini tidak terbatas kepada golongan pelajar semata-mata. Namun tidak dinafikan bahawa golongan tersebut merupakan golongan majoriti mendengar muzik berbanding golongan lain di Spotify. Dengan adanya kemajuan teknologi, pelbagai penambahbaikan boleh dibuat terhadap kemudahan penstriman audio. Kualiti audio yang baik ditawarkan oleh Spotify menjadikan medium tersebut makin disukai oleh penggemar muzik. Majoriti daripada responden ialah pengguna tegar kepada Spotify dan menggunakannya bagi tujuan *escapism*, iaitu melarikan diri daripada tekanan dan

kebosanan. Malah, Spotify juga telah menjadi satu perisian untuk membantu pelajar yang sukar tidur untuk tidur. Hal ini kerana, ada pelajar yang mengalami gangguan tidur ekoran terlalu banyak perkara yang dirisaukan, maka Spotify ada menawarkan koleksi muzik *Deep Sleep Music* yang dikatakan boleh membantu pelajar untuk tidur. Untuk itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi meneroka kemudahan, keperluan dan kepenggunaan Spotify atau medium penstriman audio yang lain di Malaysia. Hal ini kerana, hasil pembacaan penyelidikan mendapati kurangnya kajian mengenai penstriman audio di Malaysia.

Rujukan

- Adibah, U. (2019). *Pascasiswazah*. Retrieved 4 Mei, 2021, from <https://www.pascasiswazah.com/teknik-pengumpulan-data/>
- Andry, J. F., & Tjee, C. (2019). Analisis Minat Mahasiswa Mendengarkan Aplikasi Musik Berbayar dan Unduhan Musik Gratis. *Journal of Business and Audit Information Systems*, 2, Hlm. 9-15.
- Astro Awani. (3 Mei, 2019). Pengguna Spotify semakin meningkat di Malaysia. Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia.
- Barata, M. L., & Coelho, P. S. (2021). Music streaming services: understanding the drivers of customer purchase and intention to recommend. *Heliyon*(7), 1-11.
- Chandler, N. (19 September, 2022). How Spotify Works. *howstuffworks*.
- Chin, K. F. (2023). *The future of podcast in Malaysia*. Kuala Lumpur: TARUMT.
- Cohen, J. (1992). Statistical power analysis. *Current directions in psychological science*, 1(3), 98-101.
- Colbjørnsen, T. (2021). The streaming network: Conceptualizing distribution economy, technology, and power in streaming media services. *Convergence*, 27(5), 1264-1287. <https://doi.org/10.1177/1354856520966911>
- Daud, K. A., Khidzir, N. Z., Ismail, A. R., & Abdullah, F. A. (2018). Validity and reliability of instrument to measure social media skills among small and medium entrepreneurs at Pengkalan Datu River. *International Journal of Development and Sustainability*, Vol 7(3), Hlm, 1026 - 1037.
- Dewi, M. (2009). Studi Metaanalisis: Musik Untuk Menurunkan Stres. *Jurnal Psikologi*, Vol 36(2),

Hlm. 106-115.

- Digital News Asia. (10 November, 2016). Malaysians stream more music than ever before. *DNA*.
- Duman D, Neto P, Mavrolampados A, Toiviainen P, Luck G (2022) Music we move to: Spotify audio features and reasons for listening. *PLoS ONE* 17(9): e0275228. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0275228>
- Ering. (2 November, 2016). Orang Malaysia Memang Ohsem, Menurut Spotify. *ERING*.
- Febriani, A., & Tiorida, E. (2019). Pengaruh Perceived Value Spotify Premium Terhadap Kepuasan Pelanggan (Studi Pada Mahasiswa di Wilayah Bandung Raya). 10th Industrial Research Workshop and National Seminar, Hlm. 1193-1203.
- Fenney , J. (6 Januari, 2019). *The pros and cons of Spotify*. Retrieved from Belwood Music: <https://belwoodmusic.com/2019/01/06/the-pros-and-cons-of-spotify/>
- Gusfira, V.Y., & Putri, N.E. (2022). The use of english podcast among english education students at Universitas Negeri Padang. *Journal of English Language Teaching*. Vol. 11(4). 544-555
- Jones, E. (2020). *Survey shows students prefer Spotify for streaming music; Apple Music is runner-up*. Hawai: The Leader: KE ALAKA'I.
- Josi, G. P., & Arindawati, W. (2020). Motif Penggunaan Aplikasi Musik Spotify pada Generasi-Z di SMA XYZ Bekasi. *Warta Ikatan Sarjana Komunikasi Indonesia*, Vol 3 (2), Hlm. 154-159.
- Karyono, Zakia Rahmasanti., Yusi Tyroni Mursityo, & Hanifah Muslimah Az-Zahra. (2019). Analisis Perbandingan Pengalaman Pengguna Pada Aplikasi Music Streaming Menggunakan Metode UX Curve (Studi Pada Spotify dan JOOX). *Jurnal Pengembangan Teknologi Informasi dan Ilmu Komputer*, Vol. 3(7), Hlm. 6422-6429.
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Krejcie, R. V., & Daryle W, M. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Langshaw, M. (12 Disember, 2013). Spotify Free Vs Spotify Premium: Which One Is For You? *Digital Spy*.
- Laswell, H. (1948). *The Structure and Function of Communication in Society*. *The Communication*

of Ideas. New York: Institute for Religious and Social Studies.

- Lavircana, R., Herman, M., & Humaidi, A. (2020). Penggunaan Podcast Sebagai Media Hiburan dan Informasi di Banjarmasin. Ilmu Komunikasi.
- Lisa Glebatis Perks & Jacob S. Turner (2019) Podcasts and Productivity: A Qualitative Uses and Gratifications Study, *Mass Communication and Society*, 22:1, 96-116, DOI: 10.1080/15205436.2018.1490434
- Lonsdale, A.J. and North, A.C. (2011), Why do we listen to music? A uses and gratifications analysis. *British Journal of Psychology*, 102: 108-134. <https://doi.org/10.1348/000712610X506831>
- Lubis, S. S. (2018). Opini Mahasiswa mengenai Perceived Quality Produk Aplikasi Streaming Musik Spotify Dan Joox. Indonesia: Universitas Sumatera Utara.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Prentice Hall.
- McKinsey. (2016). *The Beat of Progress: the Rise of Music Streaming in Asia*. China: McKinsey.
- Netti, S. Yollis Michdon & Irwansyah. (2018). Spotify: Aplikasi Music Streaming untuk Generasi Milenial. *Jurnal Komunikasi* , Vol. 10(1), 1-16.
- Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Shing, W., Tik, C., & Hanefar, S. (2011). The effect of podcast on the achievement of the students - A case study in Malaysia. *INTI International Teaching & Learning* (pp. 77-83). Penang Island: INTI.
- Shuhaida Mohamed Shuhidan et al 2017 IOP Conf. Ser.: Mater. Sci. Eng. 226 012115
- Sinaga, D. (2013). Musik Klasik Sebagai Alternatif Mengatasi Gangguan Tidur Pada Penderita Insomnia. *Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, Vol 19(72).
- Spotify. (2023) About Spotify. NewYork: Spotify
- Statista. (2022). *Weekly Podcast Consumption in the U.S. 2013-2021*. New York: Spotify .
- Technobezz. (8 August, 2022). Advantages and disadvantages of Spotify. *Technology-Review*.
- Zellatifanny, Medika, Cut. (2020). Tren diseminasi konten Audio on Demand melalui podcast: sebuah peluang dan tantangan di Indonesia. *Jurnal Pekommas*. Vol 5(2), 117-132.

Biodata

Cynthia Debra Jenuwin menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian (Komunikasi) dari Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2021. Cynthia ketika ini sedang berkhidmat di The Cottage Hotel, Kundasang.

Intan Soliha Ibrahim merupakan pensyarah kanan di Program Komunikasi UMS, dan kini turut menyandang jawatan sebagai Pengurus Stesen Radio milik UMS iaitu UMSfm. Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2020 dalam bidang Penyiaran dan Telekomunikasi. Ijazah Sarjana dalam bidang Komunikasi (radio) pada tahun 2012 dari Universiti Malaysia Sabah dan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian Sains Sosial (Komunikasi - Penyiaran/Kewartawanan) pada tahun 2007. Beliau turut memenangi beberapa anugerah dalam pertandingan inovasi sama ada diperingkat universiti, nasional dan antarabangsa. Beliau juga memegang kod harta intelek bagi hak cipta terpelihara bernombor Copyright CRLY2022S06605 bagi penghasilan inovasi UMSfm Business Model. Beliau juga terlibat secara langsung dalam penerbitan segmen Personaliti UMS di UMSfm.